

Hanafi Mohd Tahir. (2017). Peranan Visual Terhadap Kemudahbacaan Khalayak. *Idealogy*, 2(1) : 59-65, 2017

## **Peranan Visual Terhadap Kemudahbacaan Khalayak**

Hanafi Mohd Tahir  
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka  
Universiti Teknologi MARA  
32610, Seri Iskandar Campus  
Perak, Malaysia

[hanafimt@gmail.com](mailto:hanafimt@gmail.com)

### **Abstrak.**

Visual merupakan suatu elemen yang tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan seharian khalayak pada masa kini. Ia membantu menyampaikan mesej dan maklumat dengan lebih menarik dan berkesan. Pelbagai gaya penampilan visual mewarnai dan mencorakkan kehidupan khalayak pada masa kini antara disedari atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, penerimaan mesej yang disampaikan melalui visual melibatkan kemahiran khalayak untuk mentafsir, memahami seterusnya menganalisis apa yang dilihat. Keberkesanan terhadap kemahiran mentafsir, memahami serta menganalisis khalayak merangkumi faktor kemudahbacaan khalayak terhadap visual yang dilihat. Kejayaan menafsir, memahami serta menganalisis visual yang dilihat bermakna wujudnya faktor kemudahbacaan. Justeru itu, kepentingan visual dalam menyampaikan mesej kepada khalayak membantu memudahkan kehidupan seharian khalayak.

*Kata kunci: Visual dan kemudahbacaan khalayak*

## **1. PENGHASILAN DAN KEPENTINGAN VISUAL**

Visual merupakan sebahagian daripada elemen asas dalam aktiviti kehidupan khalayak masa kini. Ia merupakan nadi dalam kehidupan seharian, mewarnai dan mencorakkan kehidupan khalayak menjadi lebih ceria dan menarik. Visual boleh didapati dimana sahaja sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik. Ia boleh didapati di sekeliling kita pada setiap masa sebagai panduan, keperluan mahupun kehendak. Sebagai contoh visual boleh didapati pada tanda arah perjalanan, makanan serta minuman, pakaian, bahan bacaan dan banyak lagi. Ia memberi penceritaan dan gambaran mengenai situasi, maksud dan mesej tertentu kepada khalayak. Sehubungan dengan itu visual berperanan penting dalam memudahkan dan melengkapkan aktiviti seharian khalayak di seluruh dunia.

Visual telah digunakan dengan meluas sebagai salah satu kaedah komunikasi dalam kehidupan seharian. Penggunaan visual telah memudahkan proses perhubungan komunikasi sejak dahulu lagi. Ini diperjelaskan lagi melalui perkembangan penggunaan visual pada zaman pra-sejarah. Kaedah manusia berkomunikasi di antara satu sama lain pada masa itu adalah berkomunikasi secara visual. Banyak lakaran, contengan, ukiran dan lorekan ditemui pada pelbagai permukaan. Bentuk komunikasi visual dibuktikan pada zaman dahulu dengan penemuan kesan-kesan dan bukti-bukti wujudnya visual pada beberapa permukaan seperti pada dinding-dinding gua, kulit-kulit kayu, ukiran-ukiran dan lorekan di batu-batu serta banyak lagi penemuan visual yang ditemui pada masa itu. Perkembangan hasil daripada penemuan visual-visual tersebut telah menyebabkan terhasilnya rekaan simbol serta lambang secara meluas.

Menurut kenyataan daripada Patrick Cramsie (2010), menyatakan bahawa penemuan dan rekaan simbol serta lambang yang dikenali sebagai *Piktograf* dan *Hieroglif* merupakan contoh-contoh komunikasi visual terawal yang ditemui dan diamalkan oleh orang-orang Mesir sebagai cara mereka untuk berkomunikasi dan berhubung di antara satu dengan lain. Ia merupakan kaedah berkomunikasi yang berkesan pada zaman tersebut.



Rajah 1

Contoh *Piktograf*

Rajah 1 menunjukkan contoh kaedah penyampaian mesej melalui lakaran yang dikenali sebagai *Piktograf*. Visual-visual yang dihasilkan ini boleh ditemui lazimnya pada permukaan batu dan dinding-dinding gua. *Piktograf* ialah hasil lakaran yang dijumpai pada zaman pra-sejarah. Rekaan serta hasil simbol dan lambang ini dipengaruhi oleh faktor sekeliling terutamanya melibatkan peristiwa, pengalaman serta faktor asas kehidupan pada masa itu.



Rajah 2

Contoh *Hieroglif*

Rajah 2 pula menunjukkan contoh *Hieroglif* iaitu lakaran dan ukiran yang pernah ditemui pada zaman Greco-Roman. Kaitan di antara perhubungan dan interaksi manusia terhadap alam semulajadi pada ketika itu berupaya mencetus idea dan ia berperanan besar dalam penghasilan simbol serta lambang. Visual-visual dihasilkan menyerupai dan hampir kepada imej asal atau keadaan sebenar sesuatu objek. Ia menjelaskan situasi, kejadian ataupun keadaan agar ia menjadi

maklumat, panduan serta hebahan kepada khalayak yang melihatnya. Lakaran-lakaran yang dihasilkan ini merupakan kaedah komunikasi yang terbaik dan berkesan pada masa zaman Greco-Roman ini.

Simbol dan lambang yang dikenali sebagai *Piktograf* dan *Hieroglif* ini adalah hasilan visual yang penting kepada kehidupan harian dan kelangsungan hidup bagi menceritakan dan menyampaikan maklumat pada era zaman pra-sejarah dan zaman Gerco-Roman. Peranan visual yang dihasilkan tersebut agar ia boleh ditafsirkan dan difahami dengan mudah, walaubagaimanapun ada juga visual-visual yang susah untuk difahami dan ditafsirkan maksudnya. Penerimaan susah senang khalayak telah menyebabkan aspek kemudahbacaan terhadap visual mempengaruhi faktor keberkesanan komunikasi antara satu sama lain.

## 2. KEPENTINGAN VISUAL TERHADAP KHALAYAK

Visual merangkumi aspek seni lukis dan seni reka yang meliputi bidang berkomunikasi. Visual telah digunakan secara meluas membantu khalayak untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dalam aktiviti sehari-hari masa kini. Sejak dari dahulu lagi kepentingan berkomunikasi secara visual telah diperkatakan dan diamalkan oleh khalayak namun ada yang tidak menyedari peranannya.

Suatu penulisan artikel oleh Christine Suharto Cenadi (1999), menerangkan bahawa masyarakat tidak menghiraukan kehadiran dan kepentingan visual di dalam komunikasi sehariannya. Malah ada juga yang tidak menyedari tentang kepentingan kehadiran visual sebagai suatu aspek penting dalam berkomunikasi. Ini adalah kerana peranan visual di dalam kehidupan khalayak sungguh luas dan boleh didapati dimana-mana sahaja setiap waktu dan setiap ketika. Contoh paling mudah komunikasi visual yang sering berada dengan diri setiap khalayak pada masakini adalah melalui telefon mudah alih. Masa kini, telefon mudah alih tidak hanya terhad kepada percakapan secara lisan semata-mata, ia telah diperluas untuk komunikasi secara visual. Peranan dan penggunaan visual serta tipografi di dalam sistem rangkaian telefon mudah alih memudahkan setiap khalayak untuk berkomunikasi antara satu dengan lain.

Visual boleh dipersembahkan dan diperhatikan melalui dua kaedah iaitu sama ada secara dua dimensi mahupun tiga dimensi. Menurut penyelidikan yang telah dijalankan oleh Widad dan Lee (2004), secara ringkasnya seni visual adalah merujuk kepada keupayaan minda dan deria mata khalayak untuk melihat sesebuah objek atau simbol seterusnya berfikir dalam dua atau tiga dimensi di dalam minda. Dalam era teknologi masa kini, penggunaan visual telah memudahkan proses-proses penerbitan. Visual merupakan elemen yang penting dalam seni reka grafik dimana ia banyak menyumbang di dalam proses-proses penerbitan sesuatu bahan cetakan seperti buku-buku, majalah, poster dan lain-lain lagi. Penampilan visual melalui teknik ilustrasi dan fotografi merupakan dua teknik yang seringkali digunakan di dalam proses reka letak dan susun atur dalam sesuatu bahan cetakan. Ia berupaya untuk membantu dalam menyampaikan informasi dan mesej agar ia menjadi lebih menarik dan berkesan. Menurut pernyataan daripada Parker (2006), di dalam sesuatu seni visual, penampilan ilustrasi dan fotografi adalah merupakan dua elemen visual yang terpenting digunakan semasa proses sesuatu bahan penerbitan.

Visual memainkan peranan penting sebagai salah satu kaedah dan media untuk berkomunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada khalayak. Mesej dan maklumat akan menjadi lebih berkesan terhadap sasaran khalayak jika penggunaan dan penampilan visual yang baik, bersesuaian. Kejayaan penggunaan sesuatu visual dicapai apabila wujudnya kemudahbacaan khalayak terhadap visual tersebut. Kemahiran untuk membaca adalah suatu aktiviti yang melibatkan kemahiran seseorang khalayak itu untuk mentafsir, memahami seterusnya menganalisis apa juga maklumat daripada sesuatu bahan bacaan yang sampai pada deria otak dan deria penglihatan. Keberkesanannya terhadap kemahiran untuk mentafsir, memahami serta menganalisis sesuatu bahan bacaan bagi seseorang khalayak merangkumi aspek kemudahbacaan.

### **3. KEMUDAHBACAAN VISUAL TERHADAP KHALAYAK**

Kemahiran untuk membaca adalah suatu aktiviti yang melibatkan kemahiran seseorang khalayak itu untuk mentafsir, memahami seterusnya menganalisis apa juga maklumat daripada sesuatu bahan bacaan yang sampai pada deria otak dan deria penglihatan. Keberkesanan terhadap kemahiran untuk menafsir, memahami serta menganalisis sesuatu bahan bacaan merangkumi dua faktor utama iaitu kemudahbacaan.

Suatu kenyataan berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dijalankan oleh Nathalie Dumont (2011), pula menyatakan bahawa kemudahbacaan adalah sesuatu yang melibatkan pandangan dan persepsi khalayak. Ia melibatkan anggapan dan perpepsi visual khalayak untuk melihat, membaca, menilai serta memahami. Kemudahan khalayak terhadap visual seperti ilustrasi dan fotografi, boleh didefinisikannya sebagai persepsi dan pemahaman khalayak berdasarkan kepada penerimaan sesuatu visual yang dilihatnya. Kemudahbacaan terhadap visual merujuk kepada tafsiran maksud sesuatu ilustrasi dan fotografi yang dilihat. Tafsiran maksud itu meliputi kejelasan imej, gambar, carta, rajah ataupun imej-imej grafik yang dipersembahkan kepada khalayak. Sehubungan dengan itu kemudahbacaan khalayak terhadap visual melibatkan aktiviti mengenali dan menafsir sesuatu visual dengan mudah dan tepat. Penggunaan dan pemilihan visual yang baik dan jelas dapat memudahkan sekaligus membantu khalayak untuk memahami mesej dan maksud yang hendak disampaikan dengan pantas.

Kemudahbacaan khalayak terhadap visual penting terutama pada khalayak yang mengalami permasalahan dalam aktiviti pembacaan dan memahami maksud. Kemudahbacaan visual yang baik dapat membantu melahirkan nilai-nilai motivasi kepada khalayak agar dapat mencetus dan mempengaruhi minat untuk melihat sesuatu bahan bacaan. Ia memberi impak terhadap proses mengingati sesuatu bahan bacaan itu pada masa-masa akan datang. Ketika kali pertama seseorang khalayak melihat sesuatu visual, proses mengecam dan mengenalpasti mula berlaku.

Sehubungan dengan itu setiap hari sama ada sedar atau tidak apabila proses mengecam dan mengenalpasti sesuatu visual, khalayak sebenarnya sedang cuba untuk memahami mesej yang hendak disampaikan melalui visual itu. Ketika proses aktiviti ini, ia melibatkan kemudahbacaan khalayak. Kemampuan menafsir penting bagi memahami mesej yang hendak disampaikan. Sehubungan dengan itu jika kemudahbacaan tidak mencapai kejayaan dan tidak wujud pada khalayak, ia boleh menyumbang kepada faktor tidak berminat dan bosan terhadap visual tersebut.

## **SENARAI RUJUKAN**

- Patrick Cramsie. 2010. *Design and Sign: The Story of Graphic Design*. The British Library London.
- Christine Suharto Cenadi. 1999. *Elemen-Elemen Dalam Desain Komunikasi Visual*. Jurnal Desain Komunikasi Visual Nirmana, Vol 1, No 1.
- Widad Othman dan Lee, Ming Foong. 2004. *Pembelajaran Lukisan Kejuruteraan Berteraskan Visualisasi: Keupayaan Pelajar Dalam Penyelesaian Masalah*. Proceeding of National Conference on Graduate Research in Education: Penyelidikan Berkualiti Tunjang Kecemerlangan Pendidikan. 11 september 2004 Selangor: Fakulti Pengajian Pendidikan Universiti Putra Malaysia.
- Lauren Parker. 2006. *Never Judge A Book By Its Cover. A Visual Argument*. WRA 360.
- Nathalie Dumont. 2011. *The Influence of Typographic Features on Legibility: What type designers Wish They Could Learn From*. Evaluation of Fonts for Digit Publishing and Display. International Conference on Document Analysis and Recognition. Design & Computer Art, Concordia University.